

KARANGAN JENIS CERITA

Sedang kamu dan kawan-kawan bermain di padang, kamu terdengar pekikan api! api!. Ceritakan tindakan-tindakan yang telah kamu lakukan. Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul. Tarik kotak jawapan ke kotak kosong pada soalan.

diberikan	diamalkan	menginap	masa
bomba	memadamkan	kebakaran	terkejut
membantu	diselamatkan	terbakar	bantuan
mengucapkan	tiba	bermain	

Pada suatu petang, saya, Cethlyne, Anjley, dan Julaini sedang _____ bola tampar di padang. Kami _____ apabila terdengar jeritan api! api!. Tanpa membuang _____, saya dan kawan-kawan bergegas ke tempat kejadian.

Saya dapati rumah rakan sekelas kami, Sweetha telah _____. Salah seorang daripada kami telah berlari ke arah pondok telefon untuk menelefon _____ dan polis. Saya dan rakan yang lain _____ mengangkat barang-barang penting ke tempat yang selamat.

Sementara, menunggu pasukan bomba tiba, saya dan penduduk kampung telah mengambil air untuk mengurangkan _____ rumah Sweetha. Ketika itu Sweetha dalam keadaan panik dan bersedih. Julaini cuba menenangkannya dan berharap agar dia dapat bersabar.

Sejurus kemudian, pasukan bomba _____. Mereka bertungkus-lumus _____ kebakaran daripada merebak. Walau bagaimanapun rumah Sweetha tidak dapat diselamatkan. Bagaimanapun, rumah-rumah yang lain dapat _____ daripada terbakar.

Pegawai Operasi Bomba _____ terima kasih atas bantuan dan tindakan segera penduduk kampung. Beliau berharap amalan bantu-membantu dan bekerjasama dapat _____ dalam kalangan masyarakat. Kebanggaan juga ditunjukkan kepada saya dan rakan-rakan.

Keluarga Sweetha telah _____ sementara waktu di rumah saya. Pelbagai _____ telah diterima oleh keluarga Sweetha seperti pakaian, makanan, dan wang ringgit. Mereka mengucapkan jutaan terima kasih atas segala bantuan yang telah _____.